

DEWAN MAJLIS

Hari Khamis, 19 Syaaban 1445 / 29 Februari 2024

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusoff, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ketiga, hari ini Khamis, 19 Syaaban 1445 bersamaan 29 Februari 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkia).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ اللَّهُ الْكَرِيمُ kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat lagi bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari yang ketiga di Mesyuarat Pertama dari Musim

Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ pada hari Rabu semalam, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah selesai meluluskan satu Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkia Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah berkenan berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Pada pagi ini, kita beralih pula kepada perkara yang seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Perkara VI. Rang Undang-Undang yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang persidangan berpindah ke Perkara VI iaitu Rang Undang-Undang. Satu Rang Undang-Undang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya kira Yang Berhormat Menteri berkenaan ingin membuat pendahuluan atau kenyataan tentang Rang Undang-Undang yang berkenaan ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan segala hormatnya kaola memohon izin untuk mengemukakan satu Rang Undang-Undang yang bergelar: **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** untuk bacaan kali yang pertama. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi telah mencadangkan bagi Rang Undang-Undang tersebut untuk dibaca bagi kali yang pertama.

Yang Mulia Jurutulis: Satu Rang Undang-Undang yang bergelar: **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"**.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola memohon izin bagi memaklumkan di majlis ini untuk mengemukakan cadangan bagi bacaan kali yang kedua dan ketiga bagi Rang Undang-Undang yang bergelar: **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** pada persidangan hari ini juga.

Sesuai dengan Peraturan Majlis Mesyuarat Negara bahawa kaola ingin bercadang untuk mengemukakan cadangan Rang Undang-Undang ini untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga pada hari ini juga. Maka kaola memohon izin kebenaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya digantung Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara bagi membolehkan dibuat cadangan-cadangan sedemikian pada hari ini juga.

Permohonan ini adalah semata-mata bagi membolehkan majlis ini memudahkan tugas-tugasnya dengan lebih lancar dan teratur lagi.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, setelah saya mendengar alasan dan keterangan serta sebab yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, maka saya izinkan supaya Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara digantung bagi membolehkan Rang Undang-Undang yang bergelar: **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"**, untuk dibaca bagi kali yang kedua dan ketiga menurut Syarat 48(3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ

أَجْمَعِينَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاخْلُلْ
عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah: **"Untuk membenarkan bagi pengeluaran sejumlah \$6,250,000,000 bilion dari Kumpulan wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual"**.

Oleh yang demikian, kaola memohon izin lebih dahulu mengongsikan beberapa inisiatif, projek dan pencapaian serta peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan bagi rakyat dan penduduk termasuk bagi sektor swasta di negara ini ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Selepas itu, barulah kaola akan menerangkan mengenai penyediaan Rang Anggaran Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2024/2025 ini berdasarkan kepada analisa dan penilaian yang telah dibuat ke atas prospek ekonomi global dan Negara Brunei Darussalam, keutamaan perbelanjaan kerajaan serta kemampuan kewangan kerajaan untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلَّهِ، syukur kita panjatkan ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan izin dan limpah rahmat-

Nya jua serta berkat kepimpinan, kebijaksanaan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita telah mencapai peristiwa penting iaitu Ulang Tahun Yang Ke-40 Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam. Sebagai rakyat dan penduduk negara ini, kita haruslah rasa bersyukur dan sangat beruntung kerana dapat menikmati keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Dalam tempoh 4 dekad ini, kita telah melihat negara kita berkembang mengecapi arus pemodenan melalui kemajuan dalam penyediaan infrastruktur dan pembangunan dalam segala bidang, pendidikan yang berkualiti dan inklusif, sistem penjagaan kesihatan yang komprehensif dan hubungan baik dengan negara serantau dan antarabangsa. Penting sekali usaha-usaha bagi mempelbagai ekonomi sudah nampak jelas dan ketara keberhasilannya dengan sentiasa berpandukan kepada prinsip Melayu Islam Beraja.

Kemajuan yang dicapai setakat ini, walaupun agak perlahan tetapi amatlah bermakna kepada kita semua dalam memangkin semangat untuk dijadikan sebagai titik tolak untuk kita bersama melipatgandakan lagi usaha secara bersepadu. Sektor bukan minyak dan gas kini memainkan peranan yang

signifikan dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan menjanakan peluang pekerjaan melalui pelaburan strategik dalam sektor-sektor utama seperti hiliran minyak dan gas, pemakanan, pelancongan, perkhidmatan perniagaan, teknologi maklumat dan komunikasi. Di samping itu, dengan usaha bersepadu untuk meningkatkan kapasiti modal insan dan keupayaan keusahawanan, negara sedang menyaksikan transformasi dalam komposisi struktur dan landskap perekonomian.

Peralihan ini bukan sahaja menggambarkan kemajuan negara ke arah mengurangkan kebergantungannya pada sektor minyak dan gas tetapi merupakan komitmen kerajaan untuk menjamin masa depan yang dinamik dan berdaya tahan serta memastikan kemakmuran terus dapat dinikmati oleh generasi pada masa ini dan akan datang.

Sebagai usaha berterusan dari pihak kerajaan bagi mempelbagaikan ekonomi negara, beberapa inisiatif telah pun dilaksanakan antaranya melalui pelaburan-pelaburan strategik dalam sektor hiliran minyak dan gas ataupun *downstream oil and gas*.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ sejak Wawasan Brunei 2035 dilancarkan pada tahun 2007, peningkatan dan penglibatan sektor swasta dapat dilihat telah menyumbang kepada pembangunan negara dan menghasilkan peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar ataupun KDNK bagi sektor bukan minyak dan gas

terutamanya melalui penubuhan syarikat-syarikat baharu Pelaburan Langsung Asing ataupun *FDI* antaranya di sektor hiliran minyak dan gas, permakanan, perkhidmatan, *ICT* dan pelancongan. Penubuhan syarikat-syarikat *FDI* ini juga telah menjana pekerjaan yang berkualiti bagi anak-anak tempatan.

Secara amnya, syarikat-syarikat *FDI* berkenaan berfungsi sebagai *catalyst* yang merangsang pelbagai aktiviti sokongan dan memberikan nilai tambah dalam negara serta menghasilkan kesan *multiplier effect* kepada perkembangan syarikat-syarikat tempatan yang mana lazimnya akan dapat memperoleh manfaat dari permintaan dan keperluan bagi pembekalan permakanan perbankan, pembinaan, logistik, penyelenggaraan fasiliti, pembekalan jentera dan kelengkapan dan lain-lain. Projek-projek pelaburan berkenaan juga telah mewujudkan satu landasan atau *platform* bagi membina kepakaran warga tempatan ataupun *transfer of knowledge* melalui latihan dan pendedahan kepada pelbagai disiplin termasuk bidang teknikal, komersial dan pengurusan. Seterusnya syarikat-syarikat tersebut juga dapat membantu usaha negara ke arah mengurangkan kebergantungan pada import.

Oleh itu, kerajaan akan sentiasa berusaha dan meneroka peluang-peluang untuk menarik lebih banyak *FDI* ke negara ini. Akan tetapi beberapa perundingan dalam fasa lanjutan (*advance negotiation*) bersama segelintir pelabur telah terjejas disebabkan meraka

telah mengambil keputusan untuk meneliti semula perancangan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai tapak operasi pascapandemik *COVID-19*. Di samping itu, kerajaan juga telah dan akan terus meningkatkan kerjasama dengan syarikat-syarikat *FDI* dan *GLCs* yang sedia ada di dalam negeri untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi termasuk meningkatkan produktiviti dan penghasilan produk-produk baharu.

Selain itu, Negara Brunei Darussalam juga telah memperkukuhkan strategi *FDI* dengan memberi tumpuan kepada kaedah-kaedah dan prosedur-prosedur bagi memudah cara dan mempercepatkan pelaksanaan projek dan telah meningkatkan perkhidmatan *aftercare* kepada syarikat-syarikat pelaburan yang sedia ada bagi membantu dalam mengatasi apa jua cabaran yang dihadapi serta menerokai potensi pertumbuhan cadang perniagaan atau produk yang baharu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bagi mendukung pembangunan industri dan membina kesalinghubungan (*connectivity*) dengan negara-negara luar, kerajaan bersama pelabur-pelabur asing akan terus membuat pelaburan untuk menyediakan serta menaiktaraf infrastruktur dan ekosistem perniagaan dan pelaburan dalam sektor pengangkutan dan logistik seperti pelabuhan, perkapalan, pengendalian kargo dan kompleks pendaratan ikan.

Dalam hal ini, satu syarikat usahasama di antara Darussalam Asset dan Guangxi Beibu Gulf International Port Group Limited iaitu Syarikat Muara Port Company Sdn Bhd (*MPC*) telah memulakan beberapa inisiatif bagi menampung peningkatan dalam kegiatan ekonomi di Negara Brunei Darussalam. **لَحْمُدُ يَلَهُ** pada bulan April 2023, *MPC* telah merasmikan pelayaran pertama perkapalan kontena yang baharu secara pelayaran langsung dari Pelabuhan Muara ke Pelabuhan Qinzhou, Republik Rakyat China. Aktiviti sedemikian berpotensi untuk meningkatkan lagi jumlah perdagangan serta membukakan pasaran baharu khususnya diantara Republik Rakyat China dan wilayah *BIMP-EAGA*. Seterusnya, untuk menampung keperluan kapasiti yang semakin meningkat, *MPC* juga akan melaksanakan projek pembangunan dan pengubahsuaian Pelabuhan Muara (*Muara Ports Expansion and Renovation Project*). **إِنْ شَاءَ اللهُ** kerja-kerja pembinaan akan bermula pada suku ketiga tahun 2024 ini dan akan siap pada tahun 2027. Melalui projek ini, pihak *MPC* menjangkakan peningkatan *volume throughput* melalui Pelabuhan Muara daripada sebanyak 220,000 *TEU* pada masa ini kepada 500,000 *TEU* setelah pembinaan selesai.

Dalam masa yang sama, satu projek pelaburan utama iaitu projek usaha sama di antara *Dana Strategic Development Capital* dengan sebuah syarikat tempatan dan beberapa syarikat antarabangsa iaitu *Integrated Marine Maintenance*

dan *Decommissioning Yard* yang dikendalikan oleh *Syarikat Anson International Sdn Bhd* yang terletak di Pulau Muara Besar. Usaha sama ini telah diwujudkan untuk menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan *decommissioning* bagi kapal-kapal yang berada di perairan negara ini termasuk *decommissioning* pelantar dan telaga minyak mentah, *fabrication* dan lain-lain. Bagi *Project Decommissioning* dan *Restoration*, Syarikat *Brunei Shell Petroleum (BSP)* akan berkerjasama dengan *Syarikat Anson International Sdn Bhd* bagi *decommissioning* aset-aset penghasilan minyak dan gas yang telah luput secara berperingkat dalam tempoh 30 tahun yang akan datang. Aktiviti berkenaan dijangka akan dapat menghasilkan kira-kira 131,000 tan metrik besi keluli yang akan dapat dikitar semula dan diguna pakai dalam pelbagai industri seperti industri perkapalan dan perkhidmatan kejuruteraan. Pada masa ini, projek tersebut telah memasuki fasa pelaksanaan dan disasarkan untuk mula beroperasi pada pertengahan tahun 2025.

Di samping itu, sebagai usaha untuk mempelbagaikan ekonomi **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** beberapa syarikat pelaburan dalam sektor hiliran minyak dan gas telah mengembangkan lagi perniagaan mereka. Antaranya,

1. Pada bulan Januari 2023, Syarikat Polygel telah mula menghasilkan bahan "Metilox" dengan skala komersial dengan keupayaan penghasilan sebanyak 2,500 metrik tan setahun. Metilox merupakan

salah satu bahan mentah yang diperlukan bagi menghasilkan antioxidant bagi minyak motor, cecair hidraulik dan pelincir.

2. Pada bulan November 2023, *Syarikat Brunei Methanol Company (BMC)* telah melancarkan kemudahan akses kepada pembeli, yang membolehkan kimia berkenaan dibekalkan dan dijual langsung kepada pengguna pengguna atau industri tempatan. Langkah berkenaan telah dapat mengurangkan kos logistik yang dihadapi oleh pengguna-pengguna metanol seperti *Syarikat Polygel*.
3. *Loji Syarikat Brunei Fertilizer Industries* atau pun *BFI Sdn. Bhd.* telah pun dilancarkan secara rasmi oleh Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 25 Februari 2023. Hasil penjualan daripada syarikat tersebut bagi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2023, telah mencapai lebih daripada 957 ribu metrik ton baja *urea* dengan nilai USD356 juta, yang 99% daripadanya telah pun di *eksport* ke negara-negara rantau Asia Tenggara, Amerika Syarikat, *Oceania* dan sebagainya; dan
4. *Syarikat HLDS (B) Steel Sdn. Bhd.* yang bertapak di Tapak Perindustrian Salambigar merupakan pengeluar paip pelbagai jenis dan kegunaan termasuk *carbon welded steel pipes and torque tube* bagi kegunaan

industri tempatan dan pasaran luar negara. *إِنْ شَاءَ اللهُ*, mulai suku kedua tahun ini syarikat berkenaan akan memperluaskan teknologi dan keupayaan pemprosesan produknya melalui kaedah *heat treatment, upset forging, threading* dan sebagainya yang sebelum ini merupakan aktiviti hanya dikendalikan oleh rakan strategik *Syarikat HLDS* di Amerika Syarikat.

Untuk memperkembangkan lagi sektor hiliran terdapat 3 projek pelaburan yang sedang dalam perancangan, iaitu:

1. Projek Pelaburan untuk menubuhkan 2 loji pemprosesan bagi pengeluaran *Asid Asetik dan Aniline* ataupun *AAA* yang akan dibina di Tapak Perindustrian Sungai Liang (*SPARK*) pada tahun 2024 dan dijangka mula beroperasi pada tahun 2027.;
2. Projek yang dikendalikan oleh *TotalEnergies* untuk menubuhkan sebuah loji tenaga suria di *SPARK* yang dihasratkan untuk membekalkan tenaga kepada loji pemprosesan *TotalEnergies* dan penghuni *SPARK* yang akan mula dibina pada tahun 2024 dan disasarkan beroperasi pada tahun 2025.;
3. Berikutan penandatanganan perjanjian pelaksanaan Projek Kemajuan Pulau Muara Besar (PMB) Fasa Kedua antara pihak kerajaan dengan *Syarikat Hengyi Industry*

Sdn. Bhd. penilaian lanjut dan kajian pasaran masih dilaksanakan untuk memastikan lagi kebolehlaksanaan projek ini dengan pembangunan fasiliti-fasiliti baharu **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** syarikat ini akan meningkatkan kapasiti *feedstock* untuk menghasilkan lebih banyak produk dan memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Dalam usaha mempelbagaikan industri pemakanan serta mengukuhkan sekuriti pemakanan dan mengurangkan kebergantungan pada import. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** beberapa syarikat pelaburan yang sedia ada telah dan akan mengembangluaskan dan meningkatkan kapasiti pengeluaran masing-masing, antaranya:

1. Projek Kerjasama Kajian dan Penyelidikan antara Jabatan Pertanian dan AgriMakanan dengan *Hunan Hybrid Rice Research Centre*, Republic Rakyat China telah dilancarkan bagi mengkaji kesesuaian *variety* padi bagi kawasan ladang yang tidak mempunyai sistem perairan. Projek tersebut bertujuan memperkukuhkan lagi program pembiakan padi dan industri biji benih padi di negara ini.;
 2. Negara Brunei Darussalam melalui *Syarikat Golden Chick Livestock Sdn. Bhd* telah berjaya mengeksport sekitar 5.1 juta biji telur ayam ke Republik Singapura pada tahun 2023. Dalam perkara ini, Kementerian Sumber-Sumber
- Utama dan Pelancongan akan terus bekerjasama dengan pihak autoriti di luar negara serta para pengusaha untuk membuat penyelarasan, perancangan dan persiapan yang bersesuaian bagi mengeksport ayam segar dan produk berasaskan daging dan pertanian dan perikanan untuk dieksport ke Republik Singapura dan negara-negara lain.;
3. *Syarikat LianFeng* dengan gabungan anak syarikatnya, *Syarikat Blue Ocean Tech Sdn. Bhd* dan *JETS Sdn. Bhd.* sedang giat berusaha untuk meningkatkan lagi hasil pengeluaran udang biru *Rostris*. Antara kerja yang dijalankan adalah pembinaan kolam-kolam ternakan di beberapa kawasan seperti di Kampung Serasa, Meragang, Mentiri dan Sungai Paku. Syarikat tersebut juga dalam proses perundingan untuk menyediakan pelaburan sebanyak \$5.1 juta bagi menambah jumlah tapak-tapak yang boleh digunakan untuk meningkatkan operasi pengeluaran dan penetasan.;
 4. *Syarikat Gropoint Sdn. Bhd.* dari Malaysia juga telah bercadang untuk menubuhkan sebuah Pusat Pemprosesan Makanan Lauk Beku di *Serasa Fisheries Center* yang bertaraf antarabangsa. Projek ini akan melibatkan pelaburan sebanyak \$26.1 juta dan akan mempunyai kapasiti pengeluaran makanan beku sebanyak 3,500 – 5,000 tan metrik setahun.

Pembinaan pusat tersebut dijangka akan bermula pada suku ketiga tahun 2024 ini dan akan memakan masa selama 2 tahun.; dan

5. Syarikat *Muara International Fish Landing* Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat *MPC* juga telah berjaya menyiapkan kerja-kerja pemodenan dan pembangunan semula di Kompleks Pendaratan Ikan Muara, yang antara lainnya pembangunan kemudahan fasiliti *cold storage* yang telah pun siap dan memulakan operasinya pada bulan Disember 2023. Fasiliti ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dapat menyumbang kepada keperluan dan kemudahan rangkaian *cold chain logistics* di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sekarang kaola ingin menyentuh mengenai hasil daripada inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah fokus keutamaan belanjawan pada tahun-tahun yang lalu yang menjurus kepada Pembangunan Modal Insan.

Fokus ini telah berhasil membukakan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk khususnya belia-belia di negara ini dan menyediakan latihan-latihan peningkatan kapasiti dan kemahiran ke arah meningkatkan produktiviti negara. Pelbagai pendekatan dan tindakan secara holistik dan bersepadu telah dan sedang dilaksanakan bersama agensi-agensi yang berkaitan termasuklah

meningkatkan kebolehpasaran belia melalui pendidikan dan latihan kemahiran. Sokongan untuk *entrepreneurship*, keusahawanan dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan penjanaan lebih banyak peluang pekerjaan baharu di sektor swasta melalui pelaburan strategik dalam sektor-sektor hiliran dan industri permakanan dan agropertanian sepertimana yang dikenal pasti dan telah dikongsikan sebentar tadi.

Dalam bidang pendidikan, negara telah memperolehi keputusan PISA atau *Program for International Student Assessment* atau Program Penilaian Pelajar Antarabangsa 2022, **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, Negara Brunei Darussalam adalah salah satu dari tiga negara teratas dari negara-negara ASEAN yang ikut serta. Dalam semua domain PISA 2022, dengan peningkatan sebanyak 12 *score* dalam Matematik, 21 *score* dalam membaca dan 15 *score* dalam Sains berbanding PISA 2018. Pencapaian ini adalah hasil daripada usaha gigih para pendidik di negara ini dalam membantu semua pelajar mencapai potensi mereka sepenuhnya.

Bagi membentuk masa depan tenaga kerja di negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan ke atas isi kandungan *Manpower Blueprint* yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan dan *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)*. *Manpower Blueprint* adalah

sebagai garis panduan dan hala tuju bagi agensi pelaksana dan pihak berkepentingan ke arah pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035, terutamanya matlamat satu iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Pemberigaan *Manpower Blueprint* *إِنْ شَاءَ اللهُ* akan dilaksanakan dalam tahun 2024 ini kepada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, pihak swasta, institusi pengajian tinggi dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Dalam menangani *mismatch* di antara pembekalan dan permintaan tenaga kerja secara berkesan, *Manpower Industry Steering Committee (MISC)* akan terus menyediakan program serta inisiatif bagi memastikan bekalan tenaga kerja tempatan adalah sejajar dan sepadan dengan peluang pekerjaan yang tersedia. Dalam masa yang sama, *MISC* juga melaksanakan inisiatif dan strategi yang akan dapat menangani isu pengangguran bagi jangka masa panjang termasuk penjaan pekerjaan-pekerjaan baharu, *displacement of foreign worker* dan penyediaan kursus melalui *upskilling* dan *reskilling*. Setakat ini, *MISC* telah menjalankan program-program kerjaya di bawah sektor-sektor Hospitaliti dan Pelancongan, Pembinaan, *ICT*, Tenaga, Pengangkutan dan Logistik. Beberapa program akan dilaksanakan pada tahun 2024 ini. Antaranya adalah seperti:

1. Di bawah sektor tenaga kursus juruteknik elektrik dalam solar

photovoltaic secara rintis akan dilancarkan pada bulan Julai 2024.;

2. Di bawah sektor *Hospitality* dan *Tourism, MISC* akan menyediakan *competency framework* bagi 4 jenis jawatan iaitu:

- i. *Bellboy*.;
- ii. *Telephone Operato.r*;
- iii. *Demi Che.f*; dan
- iv. *Chef De Partie*.

Di samping itu, satu program latihan juga akan diadakan khusus bagi pemandu pelancong ataupun *tourist guide* yang berkeinginan untuk menjadi pemandu pelancong yang berdaftar.; dan

3. Di bawah sektor Infokomunikasi Dan Teknologi, Program *TechInspire* akan dijalankan yang mana seramai 50 orang anak tempatan dijangka akan mengikuti latihan bagi jawatan *IT Technician* dan *Network Technician*.

MPEC juga telah memperkenalkan beberapa program dan inisiatif seperti berikut:

1. *Structure Apprenticeship Program (SAP)* bagi memperolehi sijil, lesen dan pendaftaran bagi bidang kerjaya yang tertentu. Program pertama adalah *Clinical Supervisory Program* bagi graduan baharu dalam bidang *Allied Health Professionals* dengan kerjasama bersama Kementerian Kesihatan. Kohort pertama bagi program ini akan berjalan selama 18 bulan mulai suku pertama tahun

2024 secara latihan sambil bekerja ataupun *on-the-job training* untuk seramai 30 orang peserta.;

2. *Program Study in Professional Institution (SPIN)* dalam bidang *accountancy* yang mana pada masa ini dalam sesi pengajian kohort yang keempat telah bermula pada bulan Januari 2024. Pada masa ini, *MPEC* sedang meneroka peluang untuk mengembangluaskan kursus-kursus professional dalam bidang yang berlainan mengikut keperluan industri di bawah program ini.;
3. Program *SkillsPlus*, untuk memberi peluang dan bantuan pembiayaan kepada pencari kerja tempatan untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran sebanyak 13 bidang di dalam program tersebut telah dikemas kini selaras dengan keperluan daripada industri ke arah memastikan ia adalah sejajar dengan *Economic Blueprint* dan *Manpower Blueprint*.;
4. Untuk memenuhi permintaan yang sentiasa meningkat khususnya dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional serta memperkasa kapasiti dan kemahiran tenaga kerja, Skim Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional ataupun TVET telah diperkenalkan khusus bagi pelajar lepasan di peringkat 'O', yang mempunyai 3 'O' dan ke bawah, untuk mengikuti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi swasta. Setakat ini, sebanyak 2 pengambilan telah dijalankan yang

mana seramai 141 orang telah mengikuti program ini.

Sebagai satu langkah untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja di negara ini, Perintah Pekerjaan (upah minimum) 2023 telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan pada 12 Julai 2023 untuk menetapkan kos kadar gaji minimum \$500.00 sebulan yang perlu dibayar oleh majikan kepada setiap pekerja. Dalam hal ini, para majikan diberikan tempoh peralihan selama 6 bulan dari tarikh berkuat kuasanya perintah berkenaan untuk mengambil langkah persediaan yang bersesuaian. Dasar gaji minimum akan dilaratkan kepada semua industri secara berfasa yang bermula dengan fasa pertama, iaitu Industri Perbankan dan Kewangan dan Industri Infokomunikasi dan Teknologi.;

Kerajaan juga menyedari bahawa terdapat isu kekurangan jururawat dan keperluan untuk meningkatkan lebih ramai lagi pekerja dalam Sektor Kesihatan. Oleh itu, *JPMC College of Health Sciences Sdn. Bhd.* telah dilancarkan pada bulan Ogos 2023 yang merupakan sebuah kerjasama antara *Jerudong Park Medical Center Sdn. Bhd.* dan *Far Eastern University* dari Republik Filipina. Bagi Tahun Akademik 2023/2024 seramai 137 pelajar sedang menjalani kursus asas dalam bidang sains (*Foundation in Science Certificate*) dan seramai 70 pelajar sedang menjalani kursus Sarjana Muda dalam Kejururawatan (*Bachelor of Science in Nursing*).;

Di samping inisiatif-inisiatif yang dihasratkan tadi, Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) yang dilaksanakan pada bulan Julai 2023 yang lalu menggalakkan para pekerja untuk berkhidmat dan terus produktif bagi membolehkan mereka menerima pendapatan semasa bersara dengan lebih baik dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** sepanjang hayat serta perlindungan manfaat turunan juga boleh dirasai oleh tanggungan-tanggungan ahli. Skim ini adalah inklusif yang bukan sahaja memberikan manfaat kepada pekerja dalam sektor swasta dan kerajaan malah juga termasuk masyarakat yang produktif dalam sektor bukan formal atau bekerja sendiri. Berikutan pelaksanaan skim ini, sebanyak 93% ahli atau seramai 178,775 ahli telah mengikuti SPK. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** baru-baru ini SPK telah dianugerahi '2024 *Best of The Best Awards*' yang telah dikelolakan oleh *Asia Asset Management (AAM)* di bawah kategori *Most Improved Pension Fund* di rantau *ASEAN*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam meneruskan perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035, pada tahun-tahun ke hadapan kita akan menghadapi lebih banyak cabaran seperti kemajuan pesat dan transformasi teknologi maklumat, peningkatan ancaman siber, ancaman perubahan iklim dan pencemaran alam, perubahan sosial dan demografi dan ketidakstabilan geopolitik, evolusi dalam pendidikan dan pembangunan kemahiran, cabaran kesihatan dan cabaran-cabaran lain yang di luar kawalan kita. Tambahan pula

sebagai sebuah negara yang terbuka dan bersaiz kecil kita tidak terlepas daripada faktor luaran ini dan kesannya masih lagi dirasai dalam beberapa sektor sehingga kini.

Di sebalik cabaran-cabaran tersebut, kita seharusnya mengambil peluang dan menjadikannya sebagai batu loncatan untuk transformasi, inovasi dan kemajuan yang antaranya melalui hubungan yang baik dengan rakan kongsi serantau dan antarabangsa bagi meningkatkan akses kepada pasaran baharu. Kaola yakin dengan sikap produktif dan bersatu serta mengambil langkah-langkah persiapan yang holistik melalui kolaborasi erat antara semua pihak melalui pendekatan *Whole of Nation* dengan penuh dedikasi dan komitmen kita akan dapat membina sebuah negara yang akan dapat melindungi masa depan kita, malah juga memberikan inspirasi dan menyuntik semangat kepada generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** ekonomi dunia telah beransur pulih pascapandemik *COVID-19* dan dalam keadaan lebih stabil berikutan penurunan kadar inflasi secara konsisten dan penubuhan ekonomi yang resilien khususnya dalam 6 bulan terakhir tahun 2023. Ini disumbangkan oleh faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan dan pembekalan dalam ekonomi utama berikutan peningkatan perbelanjaan oleh entiti swasta dan kerajaan. Peningkatan ketersediaan tenaga buruh, kecekapan rantaian bekalan serta pengurangan kos tenaga dan komoditi. Berikutan prospek

penubuhan positif dan resilien ini yang dijangka akan berterusan pada tahun 2024, pihak *International Monetary Fund (IMF)* melalui laporan *World Economic Outlook Update* keluaran bulan Januari 2024 telah menyemak semula unjuran penubuhan global bagi tahun 2024 kepada 3.1% berbanding unjuran awal 2.9%. Manakala unjuran bagi tahun 2025 masih dikekalkan iaitu berkembang pada kadar 3.2%.

Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan diunjurkan adalah sederhana dan masih di bawah *purata* pertumbuhan bagi tempoh antara tahun 2000 ke 2019, iaitu sebanyak 3.8%, dan jua berkemungkinan berdepan dengan cabaran-cabaran dan ketidakstabilan disebabkan oleh kesan daripada pergolakan geopolitik yang berpanjangan. Tekanan inflasi global, risiko ketidakstabilan kewangan global dan peningkatan kesan buruk perubahan iklim.

Berikutan dengan unjuran pertumbuhan ekonomi global ini pihak *IMF* telah meramalkan jumlah perdagangan global (*global trade volume*) berkembang pada kadar 3.3% bagi tahun 2024 dan 3.6% bagi tahun 2025. Unjuran ini masih di bawah *prorata* sebanyak 4.9 %. Prospek pertumbuhan akan terus cenderung ke arah pertumbuhan yang perlahan disebabkan peningkatan halangan perdagangan (*trade barrier*) dan perpecahan geoeconomi ataupun *geoeconomic fragmentation*.

Pihak *Energy Information Administration (EIA)* melalui laporan bulan Februari

2024 telah melaporkan bahawa harga minyak Brent secara *purata* telah meningkat kepada kadar USD80 setong pada Januari 2024 ini antaranya disebabkan oleh ketidaktentuan yang meningkat terhadap bekalan dan penghantaran minyak dunia berikutan konflik di Timur Tengah dan Laut Merah. *EIA* seterusnya meramalkan bahawa harga minyak dunia akan meningkat kepada sekitar USD80 ke USD85 setong sebelumnya menurun kepada USD78 setong pada tahun 2025 disebabkan oleh ramalan peningkatan inventori minyak global.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola seterusnya ingin mengongsikan prestasi ekonomi negara yang bergantung kepada aktiviti-aktiviti ekonomi domestik, prestasi projek-projek pelaburan langsung asing (*FDI*) yang sedia ada dan kemajuan pelaksanaan projek *FDI* baharu.

Bagi keseluruhan tahun 2023, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** kadar penubuhan KDNK Negara mencatatkan peningkatan sebanyak 1.4%. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan yang berterusan dari sektor bukan minyak dan gas yang mana meningkat pada kadar 4.5%. Peningkatan bagi sektor ini adalah antaranya disebabkan oleh peningkatan subsektor seperti pengangkutan udara, kewangan dan pembinaan. Walau bagaimanapun, sektor minyak dan gas mencatatkan penurunan sebanyak 2.0%.

Di samping itu bagi tahun 2024, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

mengunjurkan kadar pertumbuhan KDNK Negara di antara 3.3% hingga 4.0% Unjuran tersebut adalah mengambil kira peningkatan sektor minyak dan gas khususnya peningkatan pada pengeluaran minyak mentah dan gas asli. Sektor Bukan Minyak Dan Gas juga menunjukkan peningkatan yang antara lain disumbang oleh subsektor seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, ternakan, perikanan dan pengangkutan udara.

Manakala, pihak *IMF, ASEAN Plus 3 Industry Macroeconomic Research Office (AMRO) dan Asian Development Bank (ADB)* telah mengunjurkan penubuhan ekonomi yang positif bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2024 iaitu masing-masing pada kadar 3.5%, 2.4% dan 2.5%. Unjuran tersebut adalah mengambil kira peningkatan usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi khususnya pengeluaran produk sektor hiliran minyak dan gas serta aktiviti-aktiviti berkaitan dari *Syarikat Hengyi Industries Sendirian Berhad, Syarikat Methanol Brunei (BMC) dan Syarikat Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad (BFI)*.

Namun di sebalik unjuran positif ini, negara dijangka turut terkesan daripada impak ketidakpastian dan beberapa risiko yang berkemungkinan akan menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi negara.

Kadar inflasi global bagi tahun 2023 telah meningkat secara *significant* iaitu pada kadar 6.9%, kesan daripada peningkatan ini turut dirasai di negara ini

memandangkan kira-kira 70% daripada bekalan dan barangan negara adalah diimport.

Walau bagaimanapun, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** melalui usaha bersama beberapa agensi kerajaan, inflasi negara bagi tahun 2023 hanya meningkat pada kadar yang rendah iaitu 0.4% di sebalik peningkatan harga makanan sebanyak 2.7%.

Oleh itu, negara akan terus berusaha bagi menghasilkan beberapa produk bagi menggalakkan penggantian import (*Import Substitution*) dan seterusnya bagi memperbanyakkan pilihan barangan. Ini adalah termasuk inisiatif *Syarikat Ghanim International Corporation* dengan kerjasama *Syarikat Western Foods & Packaging Sendirian Berhad (WFP)* yang telah pun melancarkan minyak masak sayuran tempatan yang pertama di bawah jenama "*BruneiHalalFoods*".

Dalam hubungan ini, kita perlulah meneruskan usaha-usaha untuk mempelbagaikan lagi ekonomi negara untuk mencapai matlamat-matlamat di bawah Wawasan 2035, khususnya Matlamat Ke-3 Iaitu Ekonomi Yang Dinamik Dan Berdaya Tahan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya izinkan kaola mengongsikan kedudukan fiskal kerajaan bagi Tahun Kewangan 2022/2023. Kerajaan telah mencatatkan kutipan hasil pendapatan sebanyak \$6.35 bilion iaitu peningkatan 33.1% bebanding \$4.77 bilion pada Tahun Kewangan 2021/2022.

Peningkatan ini adalah berikutan kenaikan harga minyak dunia pada tahun 2022 yang secara pro rata berada pada paras melebihi USD\$90 setong. Dari segi perbelanjaan pula, kerajaan juga telah mencatatkan peningkatan sebanyak 5.3% kepada \$6.08 bilion berbanding dengan \$5.78 bilion pada Tahun Kewangan 2021/2022. Walau bagaimanapun, syukur **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** kerajaan telah berjaya merekodkan lebih belanjawan (*budget surplus*) sejumlah \$260.46 juta setelah merekodkan defisit belanjawan berturut-turut sejak Tahun Kewangan 2019/2020.

Bagi kedudukan fiskal kerajaan untuk Tahun Kewangan 2023/2024 pula, berikutan dengan harga minyak dunia yang melebihi USD\$80 setong serta pengeluaran minyak dan gas yang menurun disebabkan penutupan berjadual bagi aktiviti-aktiviti penyelenggaraan. Unjuran hasil pendapatan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2023/2024 adalah dikemas kini kepada \$3.22 bilion berbanding anggaran asal sebanyak \$2.99 bilion.

Manakala perbelanjaan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2023/2024 adalah diunjurkan berjumlah \$5.92 bilion berbanding dengan \$5.96 bilion yang telah diperuntukkan pada Tahun Kewangan 2023/2024. Unjuran ini adalah mengambil kira tambahan peruntukan yang dijangkakan pada Tahun Kewangan 2023/2024 antara lainnya untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan di bawah Perkhidmatan Rampaian dan sejumlah \$2.1 juta untuk membiayai

perbelanjaan bagi pemakanan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Namun demikian, Perbelanjaan Kemajuan diunjurkan berjumlah \$373.82 juta berbanding dengan \$500 juta yang telah diluluskan, antaranya disebabkan oleh beberapa perkara seperti penelitian semula keperluan penggunaan (*user requirement*) dan skop projek.

Oleh itu, berasaskan kepada anggaran kutipan hasil dan perbelanjaan seperti yang kaola kongsiikan sebentar tadi, kerajaan dijangka akan merekodkan defisit belanjawan sebanyak \$2.70 bilion pada Tahun Kewangan 2023/2024.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya sukacita kaola mengongsiikan bahawa dengan berasaskan unjuran-unjuran serta arah tuju ekonomi dunia pada masa ini dengan mengambil kira tahap pengeluaran minyak negara, anggaran hasil kerajaan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 diunjurkan berjumlah \$3.26 bilion, \$2.47 bilion atau 75% adalah hasil daripada sektor minyak dan gas, dan \$793.52 juta atau 25% adalah hasil daripada sektor bukan minyak dan gas. Pecahan hasil-hasil tersebut antaranya:

1. Kutipan hasil cukai-cukai yang keseluruhannya berjumlah \$228.17 juta. Antaranya \$197 juta dari cukai pendapatan syarikat-syarikat dan cukai setem, \$14.1 juta daripada lesen kenderaan di bawah Jabatan Pengangkutan Darat dan \$12.0 juta

- dari cukai-cukai di bawah lembaga-lembaga bandaran.;
2. Sebanyak \$103.7 juta dari kutipan *duty import* dan *excise* Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.;
 3. Hasil dari yuran dan caj yang keseluruhannya berjumlah \$230.67 juta. Antaranya dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik dianggarkan berjumlah \$165.2 juta, dari Kementerian Kesihatan dianggarkan berjumlah \$11 juta daripada yuran dan caj perkhidmatan hospital, dan dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dianggarkan berjumlah \$10 juta dari perkhidmatan-perkhidmatan imigresen.;
 4. Hasil daripada pendapatan sewa dan komersial dari jualan barang dan perkhidmatan yang keseluruhannya berjumlah \$98.7 juta. Antaranya dari Jabatan Kemajuan Perumahan dianggarkan berjumlah \$60.2 juta dan Jabatan Kerja Raya dianggarkan berjumlah \$26.8 juta; dan
 5. Seterusnya hasil daripada pendapatan kewangan yang keseluruhannya berjumlah \$102.2 juta iaitu sebanyak \$61.73 juta dari pulangan pelaburan dan simpanan, dan sebanyak \$40.49 juta dari hasil yang berlebihan dari badan-badan berkanun.

Dalam kesempatan ini, sukacita kaola kongsikan bahawa dengan pengenalan "*Chart of Accounts*" yang baharu mulai Tahun Kewangan 2024/2025, Kategori Gaji Kakitangan akan diubah menjadi Kategori "*Emolumen*" yang merangkumi peruntukan gaji, elaun-elaun dan caruman. bukan sahaja bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang berjawatan tetap, tetapi juga bagi yang dalam jawatan gaji hari. Selain itu, kesemua elaun di bawah Kategori Perbelanjaan Berulang-Ulang akan dipindah di bawah Kategori "*Emolumen*".

Oleh itu, sejumlah \$6.25 bilion dicadangkan untuk membiayai perbelanjaan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, iaitu:

1. Sejumlah \$2.29 bilion untuk membiayai Emolumen termasuk gaji, faedah perkhidmatan, kemudahan-kemudahan lain dan caruman majikan.;
2. Sebanyak \$2.40 bilion adalah untuk membiayai Perbelanjaan Berulang-Ulang.;
3. Sejumlah \$500 juta diperuntukkan untuk membiayai sebanyak 305 projek-projek pembangunan di bawah RKN-12. Bagi tempoh RKN-12 yang akan bermula pada Tahun Kewangan 2024/2025 dan akan berakhir pada tahun 2029/2030, Jawatankuasa Tertinggi RKN yang dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meluluskan

sebanyak \$4 bilion untuk membiayai 305 buah projek di pelbagai sektor dan kluster ekonomi.; dan

4. Selebihnya untuk membiayai perbelanjaan di bawah Tajuk Perbelanjaan Yang Diakui.

Oleh itu, berdasarkan kepada anggaran hasil dan perbelanjaan kaola nyatakan tadi, maka kerajaan dijangka akan mengalami defisit belanjawan berjumlah kira-kira \$2.99 bilion. Unjuran defisit ini akan dikemaskinikan dari masa ke semasa berdasarkan kepada tahap pengeluaran minyak dan gas negara, harga minyak dunia, kadar pertukaran mata wang dolar Amerika Syarikat, hasil pendapatan dari sektor bukan minyak dan gas dan perbelanjaan sebenar kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola akan beralih kepada tema belanjawan negara bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Tema Belanjawan pada Tahun Kewangan 2023/2024 iaitu 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' atau '*Building A Prosperous Future Together*' adalah untuk dikekalkan dan dilanjutkan bagi tempoh 2 tahun lagi bermula Tahun Kewangan 2024/2025 hingga 2025/2026. Ini adalah untuk memastikan kesinambungan dan pensejajaran serta penilaian dalam jangka masa sederhana ke arah mencapai dasar-dasar dan matlamat-matlamat perbelanjaan yang telah disasarkan sebelum ini dan membolehkan agensi-agensi kerajaan untuk terus berusaha memajukan

inisiatif-inisiatif dan projek-projek sama ada yang telah dirancang atau dalam pelaksanaan.

Tema ini akan memfokuskan kepada 3 keutamaan (*priority*) yang baharu bagi Tahun Kewangan 2024/2025:

1. Meningkatkan Kesejahteraan dan Produktiviti Awam.;
2. Memupuk Kepelbagaian Ekonomi Yang Mampan.;
3. Pembangunan Modal Insan Yang Dinamik dan Berwawasan.

Seperti yang pernah kaola kongsi semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara pada 6 Mac 2023. Tema ini adalah sebagai komitmen kerajaan untuk membina asas ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan ke arah pertumbuhan ekonomi yang mampan bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Oleh itu keutamaan akan terus diberikan untuk meningkatkan usaha dalam merangsang pertumbuhan dan mempelbagaikan ekonomi negara, meningkatkan ekosistem perniagaan dan pelaburan yang lebih kondusif untuk menarik lebih banyak pelaburan yang berkualiti dan bermanfaat kepada negara ini. Ini juga termasuk penglibatan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau *GLC's*. Usaha-usaha sedemikian penting untuk menjana peluang pekerjaan berkualiti bagi penduduk tempatan khususnya di sektor swasta. Kerajaan juga akan terus menyokong penyediaan infrastruktur berkualiti, mudah diakses

bagi kemudahan aktiviti perekonomian, perniagaan dan perindustrian.

Di samping itu, kerajaan akan menubuhkan usaha-usaha bagi menyediakan pendidikan yang berkualiti dan *inclusive* ke arah melahirkan anak tempatan yang berkemahiran, *marketable, employable and future ready*, sesuai dengan keperluan dan permintaan industri-industri yang dikembangkan agar dapat menyumbang kepada produktiviti negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola akan menghuraikan secara ringkas keutamaan-keutamaan berkenaan satu per satu termasuk perkembangan dan pencapaiannya:

1. Meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti awam.

Fokus pertama ini merupakan komitmen kerajaan untuk memelihara kesejahteraan dan kebajikan rakyat dengan meletakkan asas kepada penduduk yang lebih sihat, berpendidikan dan produktif agar generasi semasa dan akan datang dapat sama-sama menyumbang kepada kestabilan sosioekonomi negara ke arah masa depan yang lebih makmur.

Kerajaan juga akan terus melabur kepada pembangunan infrastruktur dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat dan penduduk yang meliputi pelbagai sektor termasuk pengangkutan, telekomunikasi dan kemudahan asasi seperti

pembekalan air dan elektrik, memperluaskan rangkaian perkhidmatan dan penyediaan perumahan negara. Oleh itu, beberapa peruntukan telah disediakan di bawah fokus ini:

- i. Bagi memenuhi permintaan bekalan elektrik yang semakin meningkat dan memastikan bekalan yang mencukupi, berkualiti serta *reliable* Harga Rancangan sebanyak \$400 juta secara keseluruhan disediakan bagi melaksanakan sebanyak 36 buah projek di bawah RKN-12 termasuk pembinaan janakuasa *Combined Cycle Bukit Panggal Phase 2*, serta menaik taraf dan mengukuhkan sistem rangkaian di seluruh negara.;
- ii. Bagi memastikan rakyat mempunyai tempat kediaman yang selesa, penyediaan perumahan yang selamat, berkualiti dan mampu untuk dimiliki, kerajaan telah menyediakan Harga Rancangan sebanyak \$277 juta untuk melaksanakan 9 buah projek di bawah RKN-12 untuk meningkatkan penyediaan perumahan negara. Antaranya di Kampung Lugu Fasa 2B, Kampung Rimba Fasa 6, Kampung Salambigar, Kampung Lumut Fasa 7 dan Kampung Tanah Jambu.;

- iii. Bagi pembekalan air yang bersih secara lebih efektif dan *reliable* kepada orang ramai, kerajaan akan memperuntukkan Harga Rancangan sebanyak \$261.1 juta di bawah RKN-12 untuk menaik taraf dan memperbaiki sistem loji-loji dan kolam-kolam rawatan serta sistem pembentungan di seluruh daerah.

Pada masa yang sama, sejak penggabungan infrastruktur rangkaian telekomunikasi pada tahun 2019, Syarikat *Unified National Network* Sendirian Berhad (UNN) telah melaksanakan kerja-kerja peningkatan dan penambahbaikan terhadap infrastruktur untuk rangkaian *mobile* yang mana perkhidmatan rangkaian 5G telah disediakan dengan liputan di keempat-empat daerah dan kelajuan sehingga *1000mbps* di kawasan-kawasan tumpuan (*high density area*). Syarikat UNN juga telah berupaya meningkatkan liputan internet termasuk memperluaskan *fibre broadband* ke kawasan luar bandar di mana liputan *fixed broadband penetration* telah mencapai 91% berbanding 50% pada tahun 2020.

Dengan penggabungan infrastruktur tersebut, juga telah dapat menurunkan harga *broadband* dan pelan telefon sebanyak 55% secara purata dan ini sekali gus meningkatkan penggunaan atau

pelanggan internet dan dapat mengurangkan kos operasi perniagaan di negara ini. Sebagai misalan, bagi harga *fixed broadband* tanpa had yang sebelum ini adalah pada kadar \$459 dengan kelajuan *100mbps* kepada \$169 pada kelajuan *500mbps* pada masa ini. Bagi tawaran pelan *postpaid* pula, sebelum ini pelan \$55 hanya memberikan pelanggan data sebanyak *7.5GB* sahaja manakala pada masa ini pelanggan boleh mendapat data yang lebih banyak iaitu *30GB* dengan harga \$50 sahaja. Ini akan dapat membantu dan memudahkan perjalanan pendigitalan Negara Brunei Darussalam ke arah menjadi sebuah *smart nation*.

Dalam memenuhi keperluan perkhidmatan *ICT* yang semakin meningkat, Syarikat UNN sedang membina sebuah pusat pangkalan data (*data centre*) yang bertempat di kawasan Tungku sebagai penambahan kapasiti kepada pusat-pusat pangkalan data yang sedia ada. Pusat pangkalan data yang baharu ini akan dapat menempatkan sehingga 500 buah rak berbanding 112 rak yang sedia ada dan seterusnya akan mendapatkan pensijilan *Tier 3* pada awal tahun 2025. UNN juga telah berjaya memperolehi Pensijilan Piawai Antarabangsa ISO/IEC 27001:2022 pada Mac 2023 bagi perlindungan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan bagi aset dan sistem

data dan maklumat organisasi yang diiktiraf di peringkat peringkat global.

Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada inisiatif-inisiatif ke arah Pelan *Transformasi Digital* bagi meningkatkan kecekapan prestasi dan produktiviti perkhidmatan awam untuk memastikan rakyat menerima perkhidmatan yang berkualiti tinggi, mudah diakses dan responsif yang memenuhi keperluan. Ke arah itu, kerajaan akan terus menyediakan peruntukan-peruntukan seperti berikut:

1. Bagi meningkatkan lagi produktiviti dan keberkesanan pengurusan kes-kes mahkamah, kerajaan akan menyediakan harga rancangan sebanyak \$19.4 juta secara keseluruhan di bawah RKN-12 untuk melaksanakan 3 buah projek iaitu Sistem Pengurusan Elektronik Kes Badan Kehakiman 2.0, Sistem Pengurusan Mahkamah Syariah 2.0 dan Sistem *Technology Courts*,
2. Bagi penyediaan pangkalan data-data yang komprehensif termasuk pengurusan aset dan penambah baik penyelarasan antara jabatan. Kerajaan akan menyediakan harga rancangan sebanyak \$29.4 juta secara keseluruhan di bawah RKN-12 untuk melaksanakan 4 buah

projek iaitu antara lainnya Projek Permintaan Utiliti, Projek 'MOD *Integrated Platform*', Projek Sistem Aset dan Infrastruktur Kerajaan dan Sistem Permohonan Perumahan dan Bil Atas Talian; dan;

3. Bagi penyediaan sistem maklumat untuk penyimpanan dan pengurusan rekod data termasuk data pelajar dan tenaga pengajar, maklumat mengenai sekolah-sekolah, pengurusan kemasukan penuntut, kerajaan akan menyediakan harga rancangan sebanyak \$21.2 juta secara keseluruhan di bawah RKN-12 untuk melaksanakan 3 buah projek iaitu Sistem Pengurusan Pendidikan Kebangsaan, *Education Data Management System (EDMS)* dan *School Enterprise Resource Planning System (ERPS)*.

Keutamaan juga akan terus diberikan untuk mengukuhkan lagi sistem kesihatan negara bagi meningkatkan lagi keupayaannya untuk bertindak balas secara berkesan dan lebih responsif terhadap apa jua keperluan kesihatan dan sebarang perubahan atau cabaran-cabaran paradigma kesihatan pada masa ini dan masa depan. Ini termasuk memastikan semua peralatan perubatan yang diperlukan, peralatan diagnostik, stok ubat-ubatan dan sumber tenaga manusia yang mencukupi.

Negara juga tidak terkecuali daripada kos penjagaan kesihatan yang kian meningkat dan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ia didorong oleh pelbagai faktor termasuk kenaikan harga rawatan perubatan dan ubat-ubatan dan *ageing population* dengan keperluan penjagaan kesihatan yang semakin kompleks.

Oleh itu, kerajaan sentiasa menekankan kepentingan penjagaan dan pencegahan awal serta dengan mengutamakan gaya hidup sihat dapat membantu mengurangkan penyakit-penyakit kronik dan seterusnya mengurangkan tekanan pada sistem penjagaan kesihatan kita.

Ke arah itu, beberapa peruntukan akan disediakan bagi mendukung sektor kesihatan antaranya:

1. Harga rancangan berjumlah \$256.53 juta secara keseluruhannya di bawah RKN-12 bagi pembangunan prasarana-prasarana perubatan dan kesihatan antaranya pembinaan blok baharu Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, penaiktarafan Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait, pembinaan blok baharu Makmal Rujukan dan pembinaan Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan dan Jabatan Perkhidmatan Makmal.;
2. Harga rancangan berjumlah \$62.5 juta bagi pelaksanaan projek Sistem Bru-HIMS 2.0 yang juga termasuk *System Intelligence Electronic Medical Record (EMR), Intelligent Care Plan and Clinical Pathway Recommendation* dan sistem data yang berstruktur.;
3. Sejumlah \$25.8 juta secara keseluruhan akan disediakan bagi pemeliharaan sistem Bru-HIMS dan penambahbaikan ciri-ciri dan keupayaan sistem *Bruhealth* seperti *Diabetic Management System, Online Appointment* serta *Consultation*.;
4. Sejumlah \$26.87 juta keseluruhan telah diperuntukkan untuk memastikan penyediaan perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi keperluan kesihatan masyarakat. Antaranya, \$10 juta untuk menggantikan perkhidmatan sokongan klinikal dan bukan klinikal, \$7.2 juta untuk perkhidmatan kakitangan jururawat dan personal makmal dari *Jerudong Park Medical Centre (JPMC)* dan \$3.9 juta untuk perkhidmatan bekalan makanan dan minuman pesakit di hospital-hospital seluruh negara.;
5. Sejumlah \$89 juta akan terus disediakan secara keseluruhan bagi pembelian ubat-ubatan, barangan guna habis perubatan dan keperluan ujian-ujian makmal untuk hospital-hospital, pusat-pusat kesihatan dan jabatan-jabatan perkhidmatan.;
6. Peruntukan bagi pembayaran perkhidmatan perubatan rawatan sakit jantung di *Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC)*, Pusat Kanser Brunei dan *Brunei*

Neuroscience Stroke & Rehabilitation Centre dipindah dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi kepada Kementerian Kesihatan dan seterusnya ditambah sejumlah \$120 juta daripada \$30 juta kepada \$150 juta. Tujuan pemindahan adalah untuk meningkatkan akauntabiliti terhadap keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan bagi rawatan-rawatan perubatan luar di samping memberikan gambaran lengkap terhadap kos sebenar penjagaan kesihatan yang menyeluruh.;

7. Seterusnya, bagi menangani isu kesihatan masyarakat yang kritikal seperti wabak penyakit berjangkit kerajaan akan terus menyediakan peruntukan sejumlah \$37 juta untuk menyokong pengurusan krisis dan bantuan kepada individu atau komuniti yang terjejas. Ini juga termasuk melaksanakan program-program penjagaan rawatan dan penyelidikan ke atas wabak penyakit berjangkit.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Selaras dengan komitmen negara ke arah pelepasan sifar bersih (*net zero emissions*) menjelang tahun 2050 dan strategi-strategi di bawah Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP), kerajaan akan terus memberikan keutamaan dalam menangani perubahan iklim bagi

membentuk hala tuju negara ke arah sebuah ekonomi yang rendah karbon dan berdaya tahan iklim. Fenomena perubahan iklim ini adalah jelas dan tindakan perlulah diambil segera agar dapat memelihara negara untuk generasi yang akan datang.

Ke arah itu, sebuah direktif Laporan Mandatori bagi Gas Rumah Hijau ataupun *Green House Gas* telah dilancarkan untuk menubuhkan pengesahan, laporan dan keperluan bagi semua fasiliti yang mengeluarkan dan atau menyingkirkan yang melepaskan *Green House Gas* termasuk dalam rangkaian yang aktiviti yang merangkumi Jabatan-Jabatan Kerajaan dan syarikat-syarikat sektor swasta.

Sepertimana yang kaola kongsiikan sebentar tadi, satu projek yang dikendalikan oleh Syarikat *TotalEnergies* Sdn. Bhd. bagi membangunkan tapak tenaga solar di Tapak Perindustrian Sungai Liang yang bertujuan untuk mencapai kapasiti 12 megawatt dari sumber tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*) menjelang tahun 2025. Dengan adanya projek ini akan meningkatkan keupayaan negara untuk mendukung industri eksport dengan pengeluaran produk seperti *green chemicals* dan *ammonia*.

Bagi mendukung hasrat dengan komitmen tersebut beberapa peruntukan telah disediakan antaranya:

1. Harga Rancangan yang berjumlah \$50 Juta di bawah RKN-12 bagi

meneroka inisiatif-inisiatif *Green Building* ke arah perlindungan alam sekitar melalui bahan binaan, bahan-bahan kitar semula dan penggunaan sumber yang efisien.;

2. Harga rancangan sebanyak \$17.6 Juta secara keseluruhan di bawah RKN-12 bagi mendukung kelestarian alam sekitar antaranya melalui program-program Penghijauan Semula dan Pemuliharaan Hutan.;
3. Harga rancangan yang berjumlah \$1 juta di bawah RKN-12 untuk menyediakan Pelan Adaptasi Kebangsaan bagi Perubahan Iklim ke arah peningkatan kedayataan terhadap risiko perubahan iklim serta kapasiti beradaptasi dengan kesan perubahan iklim.;
4. Harga rancangan yang berjumlah \$ 62.5 juta secara keseluruh di dalam RKN-12 untuk melaksanakan 16 buah projek bagi pencegahan banjir di beberapa buah daerah termasuk menambah kapasiti dan melancarkan aliran air sungai.;
5. Sejumlah \$25 juta disediakan untuk urusan bencana alam bagi membolehkan agensi-agensi kerajaan bekerjasama dalam menangani bencana alam seperti kejadian banjir, tanah susur dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kerajaan akan juga terus mengutamakan usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif ke arah meningkatkan produktiviti khususnya pengeluaran domestik dalam Sektor Pertanian, Perikanan dan Penternakan untuk memastikan negara dapat mencapai tahap sara diri atau *self-sufficiency* dalam pengeluaran makanan dan barangan keperluan asasi dan ini adalah sebagai langkah proaktif untuk menangani sebarang kesan negatif terhadap faktor luaran seperti perubahan iklim, bencana alam, kesan geopolitik, termasuk inflasi dan peningkatan kos sara hidup.

Dalam hal ini, beberapa peruntukan akan disediakan untuk merangsang penubuhan dalam industri sektor pertanian dan perikanan antaranya:

1. Harga rancangan yang berjumlah \$17.5 juta di bawah RKN-12 bagi Program Peningkatan Keluaran Sayur menggunakan teknologi tinggi bagi meningkatkan lagi produktiviti pengeluaran hasil keluaran sayur negara.;
2. Harga rancangan sebanyak \$68.3 juta di bawah RKN-12 bagi Program Peningkatan Kapasiti Sistem Perairan di Kawasan Kemajuan Pertanian di seluruh negara Fasa 2 untuk mengukuhkan sistem pengairan dan simpanan air bagi seluruh tapak-tapak pertanian.;
3. Harga rancangan sebanyak \$5.8 juta secara keseluruhan di bawah RKN-12 bagi menjalankan 7 buah projek

untuk menambah baik infrastruktur kemudahan-kemudahan dan fasiliti-fasiliti bagi mendukung peningkatan hasil pengeluaran industri padi, ternakan dan *aquaculture*.; dan

4. Bagi meningkatkan lagi pengeluaran beras negara, peruntukan yang berjumlah \$9 juta juga akan disediakan di bawah Skim Pembelian Semula Padi serta bagi pembelian benih-benih padi, *hybrid* untuk penjualan kepada peladang-peladang padi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Keutamaan Belanjawan Kedua adalah untuk memupuk kepelbagaian ekonomi yang mampan.

Kerajaan akan terus memberikan penekanan kepada usaha-usaha untuk mendukung kemajuan dan perkembangan dan mengukuhkan penglibatan sektor swasta untuk membentuk asas ekonomi negara yang lebih berdaya tahan dan berdaya maju. Ke arah itu, usaha-usaha perlu menjurus kepada meningkatkan produktiviti negara dalam sektor ekonomi yang dikenal pasti dengan kerjasama peniaga-peniaga tempatan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau *GLC's*. Ini meliputi penyediaan skim dan inisiatif program latihan dan pembangunan kapasiti, ekosistem yang pro perniagaan, kemudahan prasarana serta penyediaan tapak-tapak bagi membantu perkembangan perniagaan-peniagaan tempatan khususnya PMKS.

Ke arah menambah baik dan meningkatkan sistem infrastruktur yang dapat menjana produktiviti untuk memajukan pertumbuhan dan mempelbagaikan ekonomi negara. Kerajaan akan menyediakan beberapa peruntukan antaranya:

1. Harga rancangan sebanyak \$80 juta di bawah RKN-12 bagi penyediaan infrastruktur bagi meningkatkan industri pertanian di seluruh negara Fasa 2 untuk memastikan tapak tersedia untuk ditawarkan kepada pengusaha dan bagi mempercepatkan, memulakan perusahaan, mencapai sasaran hasil keluaran.;
2. Harga rancangan sebanyak \$39 juta di bawah RKN-12 bagi Program Pembinaan Infrastruktur Sistem Pembentungan dan Saluran Sisa Buangan untuk meningkatkan lagi kawalan pencemaran dan aktiviti penternakan dan penyembelihan industri ternakan. Harga rancangan sebanyak \$18.1 juta di bawah RKN-12 bagi rancangan pembangunan industri ternakan disediakan untuk menjana pengeluaran termasuk pembekalan elektrik di Kawasan Kemajuan Pertanian Merangking Fasa 1, Daerah Belait.;
3. Harga rancangan sebanyak \$18.5 juta secara keseluruhan di bawah RKN-12 bagi menjalankan 5 buah projek bagi memajukan dan membuka tapak-tapak bagi industri

aquaculture termasuk menyediakan infrastruktur asas.; dan

4. Harga rancangan sebanyak \$10 juta bagi kerja-kerja penyediaan, menaik taraf infrastruktur dan kemudahan asas bagi kawasan kemajuan pertanian sedia ada dan baharu.

Kerajaan juga memberikan keutamaan kepada usaha-usaha untuk mengembangkan sektor-sektor seperti pelancongan dan perdagangan antarabangsa yang boleh merangsang perniagaan tempatan, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan secara langsung kesejahteraan ekonomi keseluruhan masyarakat dan penduduk demi mendukung hasrat mempelbagaikan ekonomi dan seterusnya memperkukuhkan lagi sektor bukan minyak dan gas.

Kearah itu, beberapa peruntukan juga telah disediakan untuk mendukung hasrat tersebut termasuk:

1. Dalam usaha untuk mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pilihan pelancong, kerajaan akan memperkukuhkan harga rancangan sebanyak \$36.4 juta secara keseluruhan bagi melaksanakan 10 projek di bawah RKN-12 untuk menambah lagi produk-produk pelancongan termasuk mengukuhkan infrastruktur asas dan kemudahan awam di tempat-tempat tarikan pelancong.

2. Bagi memastikan infrastruktur lapangan terbang yang moden dan efisien, kerajaan akan menyediakan harga rancangan sebanyak \$60 juta di bawah RKN-12 untuk melaksanakan 2 projek iaitu Membaik Pulih Landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan Mempertingkatkan Infrastruktur Aerodrome Dan Kemudahan Di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Sebagai penambahan kepada inisiatif-inisiatif dibawah pelan transformasi digital yang mana kaola telah kongsiikan awal tadi, kerajaan juga menyediakan peruntukan bagi memperkembangkan infrastruktur rangkaian dan penyelesaian innovative untuk membolehkan penduduk dapat berkomunikasi, mengakses perkhidmatan dalam talian dan mengambil bahagian dalam aktiviti perekonomian digital sama ada di peringkat global atau serantau. Ini termasuk menyediakan program-program peningkatan kapasiti bagi menggalakkan masyarakat yang celik digital dan memperkasa pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat untuk menyesuaikan diri dengan perubahan lanskap digital.

Beberapa usaha telah pun dilaksanakan oleh pelbagai agensi termasuk badan-badan berkanun dan *GLC's* bagi mendukung hasrat tersebut termasuk:

1. Program Latihan *Upskilling* yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa bagi Teknologi Infokomunikasi (*AITI*)

khusus untuk pencari kerja belia dan juga tenaga kerja tempatan ke arah memastikan mereka memperoleh *industry-ready competency* berdasarkan permintaan dan keperluan industri.;

2. Skim Pembiayaan Bersama Produktiviti dan Kecekapan (PENJANA) yang ditawarkan oleh *AITI* kepada peniagaan untuk mengambil penyelesaian digital bagi meningkatkan perniagaan dan produktiviti serta mengurangkan kos operasi.; dan
3. Di samping itu, Perintah Keselamatan Siber Brunei Darussalam, (*Cyber Security Order 2023*) telah pun diubah dalam mengukuhkan peranan asas *Cyber Security* Brunei sebagai Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan. Ia juga mengetengahkan komitmen negara dalam melindungi infrastruktur maklumat kritikal Negara Brunei Darussalam untuk perkhidmatan-perkhidmatan penting sama ada dalam sektor kerajaan atau bukan kerajaan yang berkaitan dengan antara lain keselamatan negara, ekonomi, kesihatan awam, keselamatan dan ketenteraman awam.

Di samping itu, sebagai salah satu asas ekonomi digital, satu *flagship* projek di bawah *Digital Economy Masterplan 2025* telah diperkenalkan iaitu *national digital payment network*. Oleh itu, sebuah konsortium yang terdiri daripada

Baiduri Bank Berhad, *Bank Islam Brunei Darussalam Berhad*, *Syarikat Darussalam Assets* dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, telah pun ditubuhkan bagi melaksanakan sebuah sistem iaitu *Digital Payment Hub* yang akan mengendalikan pembayaran dari akaun-akaun di apa jua institusi-institusi kewangan ataupun *Non-Bank Financial Institution* di Negara Brunei Darussalam secara serta merta dan selamat pada kadar yang berpatutan.

Projek ini diharapkan akan dapat merealisasikan faedah-faedah seperti merangsang inovasi sektor kewangan (*FinTech*), mengurangkan kos transaksi secara digital, pengurusan perniagaan yang lebih cekap dan mengurangkan penipuan kewangan.

Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang telah dilancarkan 15 Julai 2020, adalah merupakan hasil usaha bersama dengan beberapa kementerian-kementerian yang berkenaan dengan penglibatan sebuah syarikat *GLC's* dalam pembangunan perisian atau *software*. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, SKN telah menerima Anugerah Kecemerlangan Teknologi Asia 2023 untuk perisian perusahaan bagi kerajaan Negara Brunei Darussalam. Anugerah tersebut adalah merupakan pengiktirafan bagi projek dan inovasi teknologi yang luar biasa daripada syarikat teknologi yang mempelopori produk penyelesaian *IT ground-breaking* kepada teknologi *innovative* yang memberikan kesan kepada perniagaan.

Ke arah mewujudkan perkhidmatan awam yang lebih cekap, mudah diakses dan responsif untuk rakyat dan penduduk, beberapa peruntukan telah disediakan di bawah RKN-12 dengan harga rancangan sejumlah \$36.47 juta untuk mendukung transformasi digital dalam kerajaan antaranya:

1. Menyediakan rangka kerja rangkaian yang dinamik dan fleksibel ataupun *software defined network* bagi membolehkan sistem dan perkhidmatan kerajaan menjadi lebih *agile* dan boleh diperluaskan mengikut keperluan dan permintaan orang ramai.;
2. Pembangunan *GOV BN 2.0* iaitu satu platform untuk menyatukan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan melalui *one stop service portal* yang bukan sahaja memudahkan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai tetapi akan juga menjimatkan perbelanjaan pemeliharaan dalam jangka masa panjang berbanding jika setiap kementerian mengendalikan sistem masing-masing.;
3. *Once MOHA System* antaranya untuk mendigitalkan dokumen-dokumen aplikasi termasuk sistem pembangunan baharu untuk *National Emergency Response System* bagi memudahkan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.;
4. Pembangunan Sistem Pengurusan Rekod untuk mendukung usaha kerajaan, untuk merealisasikan *Government Digitalization* melalui penyediaan standard platform dalam pengurusan kerja seperti dokumen, rekod dan persuratan secara elektronik dan termasuk pengurusan akrib.;
5. Pembangunan *Integrated Statistical Data System* yang akan mengintegrasikan data-data statistik ekonomi, sosial dan nasional untuk memudahkan pengutipan proses analisa dan penyampaian data-data utama yang diperlukan untuk menyediakan dasar-dasar dalam penyatuan data statistik ini, ia dijangka akan dapat mengurangkan duplikasi proses dalam penyediaan data-data.;
6. Pembangunan platform perkhidmatan perniagaan nasional sebagai satu platform bagi perkhidmatan *e-Kerajaan* yang berkaitan dengan proses-proses perniagaan di negara ini dihasrat untuk memudahkan *workflow* serta kesinambungan proses yang melibatkan *inter-agency interaction*.;
7. Manakala bagi memastikan pengumpulan dan pengguna sama maklumat yang lebih *centralised* serta menambah baik sistem pengurusan kewangan dan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sejumlah \$10.8 juta di bawah Perbelanjaan

Berulang-Ulang Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi pelaksanaan pemindahan sistem *Treasury Accounting Financial Information System (TAFIS 1.0)* ke (*TAFIS 2.0*) yang akan mula dilancarkan **إِنْ شَاءَ اللهُ** pada 1 April 2024.; dan

8. Selain itu sejumlah \$144.7 juta secara keseluruhan juga disediakan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang kementerian-kementerian bagi membiayai projek *IT Central Procurement* dan lesen-lesen perisian ataupun *software* bagi semua kementerian dan jabatan kerajaan.

Ke arah mendukung transformasi digital dalam sektor pengangkutan dan logistik beberapa peruntukan telah disediakan di bawah RKN-12 dengan harga rancangan sejumlah \$15.7 juta antaranya:

1. Bagi *Smart Transport System* untuk penyediaan maklumat secara *real-time*, opsyen pembayaran secara *cashless* dan perkhidmatan *on-demand transport* bagi melengkapkan ekosistem pengangkutan awam di negara ini. Projek ini juga diharapkan akan dapat menangani isu pengangkutan awam yang dihadapi oleh orang awam khususnya daripada golongan yang berpendapatan rendah.; dan
2. Pendigitalan proses dan meningkatkan lagi perkhidmatan atas

talian yang mudah dan cepat termasuk memperkenalkan *digital licenses, automated verifications* dan kebenaran serta keupayaan *life cycle* dan *history tracking* kenderaan.

Dalam usaha untuk mendukung perubahan positif terhadap landskap pendidikan ke arah meningkatkan persekitaran pendidikan yang lebih interaktif, kondusif dan mudah diakses terutamanya sekolah-sekolah di kawasan luar bandar serta meningkatkan efisiensi dalam proses pentadbiran, beberapa peruntukan telah disediakan di bawah RKN-12 dengan harga rancangan sejumlah \$24.1 juta. Antaranya:

1. Bagi melaksanakan dua projek khusus untuk menaik taraf infrastruktur rangkaian sekolah-sekolah kerajaan ke arah memastikan *connectivity* yang berkelajuan tinggi dan *reliable* bagi keperluan alat dan sumber pembelajaran digital.;
2. Bagi pelaksanaan UNISSA *Smart University* dan UNISSA *Smart Library System* untuk menyediakan sistem maklumat yang meningkatkan lagi pengalaman pembelajaran atas talian dan kecekapan operasi, dan untuk meningkatkan sistem pengurusan perpustakaan pintar.;
3. Kerajaan juga akan meneruskan usaha untuk memupuk hubungan yang lebih kukuh dengan rakan kongsi antarabangsa bagi meningkatkan akses kepada pasaran baharu peluang pelaburan dan teknologi terkini bagi

membantu sektor-sektor industri tempatan. Syarikat-syarikat tempatan adalah diseru untuk merebut peluang-peluang daripada hasil kerjasama ekonomi tersebut dengan mengambil bahagian dalam rangkaian nilai serantau global sekaligus meningkatkan daya saingnya dalam pasaran global.;

4. Oleh itu kerajaan telah meratifikasi *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP)* kepada New Zealand selaku negara *depository* bagi *CPTPP* pada 13 Mei 2023. Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku agensi yang menerajui perundingan tersebut akan memberigakan faedah-faedah yang boleh dimanfaatkan oleh pengusaha tempatan memandangkan perjanjian tersebut akan membuka akses pasaran kepada 600 juta orang penduduk dan jumlah keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang mencapai lebih kurang USD\$13.5 trilion. Sebagai usaha untuk meningkatkan lagi penggunaan perjanjian-perjanjian ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan lebih giat mengadakan sesi pemberigaaan dan perjumpaan bersama dengan pihak-pihak yang berkepentingan terutamanya pihak swasta dengan tujuan meningkatkan lagi pengetahuan dan pemahaman mengenai perjanjian-perjanjian perdagangan yang sedia ada.

Kerajaan juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (*MoU*) bersama Kerajaan Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang Republic Rakyat Cina mengenai penaik tarafan ekonomi koridor Brunei-Guangxi ataupun *Brunei-Guangxi Economic Corridor* pada 2 Februari 2023. *MoU* tersebut menandakan komitmen berterusan daripada kedua-dua pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang untuk mengukuhkan lagi kerjasama dan perkembangan *Brunei-Guangxi Economic Corridor* melalui kerjasama ekonomi dan perdagangan yang berterusan.

Ke arah memudahkan eksport lebih banyak produk akuatik Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat Cina, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Cina telah memeterai dua protokol iaitu 'Protokol Pemeriksaan Kuarantin dan Keperluan *Sanitary Veterinary* untuk Produk Aquatik Liar Yang Akan Dieksport dari Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat Cina' dan 'Protokol Mengenai Pemeriksaan Kuarantin Keperluan Sanitari Veterinar untuk Produk Akuatik Kultur untuk Dieksport dari Negara Brunei Darussalam Ke Republik Rakyat Cina'.

Sebagai usaha untuk meningkatkan kapasiti keupayaan kredibiliti PMKS tempatan agar dapat beroperasi secara *sustainable* dan berdaya saing serta mengalahkan aktiviti pengeluaran produk tempatan untuk menembusi pasaran luar negara, Kerajaan melalui pihak *Darussalam Enterprise (DARE)* sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkepentingan seperti *Ghanim International Cooperation Sdn. Bhd.* dalam memastikan sasaran industri adalah selaras dengan matlamat kerajaan khususnya dalam membangun sektor industri utama dalam bidang pengeluaran, perkhidmatan dan halal. Ini termasuk mengenal pasti potensi kerjasama dengan pihak pengedar atau pengimpot dari negara-negara yang berpotensi untuk ditembusi bagi membincangkan peluang-peluang eksport produk tempatan.

Dengan kerjasama di antara pihak *DARE* dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** pihak *DARE* telah memulakan eksport pertama produk makanan tempatan seperti keropok, minyak sayuran, sos cili, minuman berperisa, serbuk teh tarik dan biskut ke *Mustafa Centre*, Republik Singapura pada bulan September 2023. Produk-produk yang terpilih adalah dari 5 syarikat tempatan iaitu *Ghanim International Corporation Sdn Bhd*, *Marimin Sdn Bhd - Sabli Food Industries (B) Sdn Bhd*, *Sahamada Corporation Sdn. Bhd* dan *Taurean Bake Shop & Cafe*.

Selain itu hasil daripada usaha sama tersebut juga telah menyaksikan

penandatanganan memorandum persefahaman dan perjanjian melibatkan 3 buah syarikat tempatan dengan syarikat dari Sabah semasa ekspo antarabangsa Sabah pada bulan September 2023. Hasil daripada perjanjian tersebut, produk Syarikat-Syarikat PDS Abattoir Sdn Bhd, *Royal Brunei Culinary* dan *BMC Food Industries Sdn Bhd* telah mula dipasarkan dan didapati di rangkaian Supermarket Jetsin Sdn. Bhd, *Servay Premier*, *Bataras Marketplace* dan *Everrise Supermarket* di Kota Kinabalu dan **إِنْ شَاءَ اللهُ** akan dikembangkan ke bahagian lain di negara Sabah dalam tempoh terdekat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Fokus belanjawan yang ke 3 adalah Pembangunan Modal Insan yang Dinamik dan Berwawasan.

Kerajaan akan meneruskan pelaburan dalam pelbagai program pendidikan dan pembangunan kemahiran dengan mempertingkatkan kualiti pendidikan di semua peringkat dari peringkat kanak-kanak (*early childhood*) hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat. Ini adalah bertujuan untuk melahirkan generasi dan tenaga kerja yang *adaptable*, berpendidikan dan berkemahiran tinggi yang diperlukan untuk mencapai kecemerlangan dalam pasaran pekerjaan pada masa ini dan akan datang.

Ke arah mendukung sistem pendidikan yang berkualiti tinggi beberapa inisiatif telah dilaksanakan seperti berikut:-

1. Pindaan telah dibuat ke atas Akta Pendidikan Wajib Penggal 211 yang berkaitan dengan umur wajib kanak-kanak bersekolah di negara ini iaitu dari umur 6 tahun ke 5 tahun. Pindaan tersebut bertujuan untuk mengukuhkan lagi pendidikan awal kanak-kanak yang merupakan aspek utama dalam membina asas keupayaan *kognitif*, aspek sosial dan emosi kanak-kanak.;
2. Mata pelajaran Teknologi, Kejuruteraan dan Seni akan dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran pilihan teras dalam komponen Pengajian Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kesenian dan *Matematik – (STEM)*. Ini adalah bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan mengikut perubahan dan perkembangan semasa.; dan
3. Pelaksanaan pengintegrasian mata pelajaran agama ke dalam sistem pendidikan umum yang bermula pada 1 November 2023, tujuan pengintegrasian tersebut adalah untuk menjaga kesejahteraan pelajar dengan mengurangkan beban kerja pelajar dan mengurangkan masa berada di sekolah yang akan meningkatkan lagi kesinambungan hidup dan kesihatan mental para pelajar. Selain itu perubahan itu juga diharap akan meningkatkan lagi

efficiency pembelajaran di mana waktu persekolahan yang berkurang akan memberi peluang kepada guru dan para pelajar untuk memberikan tumpuan kepada pembelajaran yang lebih berkualiti.

Kerajaan juga akan terus bekerjasama dengan sektor-sektor industri di negara ini untuk membangunkan inisiatif atau latihan-latihan vokasional bagi memastikan tenaga kerja dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan selaras atau sepadan dengan keperluan pasaran pekerjaan. Tumpuan kepada pendidikan dan pembangunan kemahiran ini dihasrat untuk mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan yang dapat menarik lebih banyak pelaburan asing.

Ke arah itu, sehingga kini Syarikat *Hengyi Industries Sdn. Bhd.* telah menawarkan program-program biasiswa dalam bidang kejuruteraan kepada 891 pelajar. Program biasiswa tersebut adalah kerjasama bersama Zhejiang Hengyi. *Petrochemicals Co. Ltd* dan *Lanzhou Petrochemical Politechnic* di Republik Rakyat China.

Oleh itu, kaola menyeru belia di negara ini untuk merebut peluang ini untuk meningkatkan kemahiran melalui pelbagai *platform* yang telah disediakan oleh kerajaan mahupun sektor swasta dan berbagai agensi-agensi berkepentingan.

Ke arah mengukuhkan kemudahan akses pendidikan harga rancangan sebanyak \$472.3 juta secara keseluruhan di bawah

RKN-12 akan terus disediakan untuk melaksanakan 32 buah projek bagi membangunkan infrastruktur sekolah-sekolah rendah, menengah dan agama serta institusi pengajian tinggi antaranya kampus Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di daerah Temburong dan kampus kekal Politeknik Brunei di Madaras.

Untuk meningkatkan taraf dan pencapaian pendidikan di negara, kerajaan akan terus memperuntukkan \$37.3 juta dalam bentuk biasiswa melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran dan pembangunan kapasiti serta latihan kemahiran pelajar-pelajar dengan menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian tinggi di institusi terkemuka dunia.

Selain itu, peruntukan sejumlah \$1.5 juta akan terus disediakan bagi mengendalikan Skim Miftaahun Najaah untuk meringankan beban para ibu bapa dan penjaga yang kurang berkemampuan untuk memberi keperluan persekolahan pelajar-pelajar.

Ke arah usaha dalam menyediakan tenaga kerja tempatan yang berdaya maju agar sejajar dengan keperluan bidang pekerjaan dan industri semasa dan juga masa hadapan peruntukan sejumlah \$24 juta akan disediakan di bawah MPEG Jabatan Perdana Menteri bagi mengendalikan program-program *i-Ready*, *TVET Scheme*, *Skillsplus*, *SPIN in Accountancy* dan *Tradeskills*.

Dalam usaha untuk mempromosi dan menggalakkan penyelidikan dan inovasi dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, sains sosial serta kesenian dan kebudayaan beberapa peruntukan akan disediakan dengan harga rancangan sejumlah BND\$61.8 juta termasuk:

1. Bagi membina *Creative, Cultural Industries Hub (CCI Hub)* dan *Community Library*. Ini adalah merupakan salah satu inovasi ekonomi baharu untuk memperkasakan pekerja yang kreatif dan mengukuhkan infrastruktur kebudayaan dan kesenian negara. Melalui pengukuhan industri ini juga akan dapat mendukung usaha-usaha kerajaan dalam menyediakan generasi yang cemerlang dan akan menaikkan kedudukan negara dalam Penubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (*OECD*) dan *World Culture Reading Score*;
2. *Council for Research and Advancement in Technology and Science (CREATES) Research Fund*, untuk membantu menggalakkan pertumbuhan aktiviti sains, teknologi dan inovasi serta memacu pembangunan ekonomi dan sosial; dan
3. Selain itu, sebanyak \$2.3 juta akan terus disediakan di bawah perbelanjaan berulang-ulang Kementerian Pendidikan untuk membiayai kos penyelidikan yang

akan dilaksanakan oleh institusi pengajian tinggi awam.

Di samping peruntukan-peruntukan yang kaola kongsiikan sebentar tadi, kerajaan juga menyediakan peruntukan sejumlah \$27.5 juta di bawah projek fokus khusus untuk membiayai program atau projek yang menjurus kepada mendukung fokus Belanjawaan Negara Tahun 2024/2025.

Demikian kaola kongsiikan mengenai perkembangan dan pencapaian-pencapaian negara serta keutamaan-keutamaan dan fokus belanjawan yang telah disediakan peruntukannya ke arah mendukung tema belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 iaitu "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" atau "*Building a Prosperous Future Together*".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Belanjawan yang dibentangkan ini dihasratkan akan dapat merangsang lagi pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja di negara ini. Di samping itu juga, kita semua perlu bertindak dengan lebih bijaksana dan bertanggungjawab agar setiap perbelanjaan dan pelaburan menghasilkan manfaat secara inklusif kepada semua golongan masyarakat dan mendukung kepada pertumbuhan sosioekonomi.

Seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam semasa Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 pada hari Selasa, 27 Februari 2024, baginda antara lain telah mengingatkan setiap agensi kerajaan untuk menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat negara ini. Baginda juga menyentuh bahawa kita tidak dapat lagi terlalu bergantung kepada sektor minyak dan gas semata-mata serta usaha untuk mempelbagaikan ekonomi masih belum mencukupi untuk mengimbangi kedudukan defisit fiskal kerajaan.

Ke arah itu, ia akan memerlukan lebih daripada sekadar perancangan tetapi memerlukan strategi pelaksanaan yang holistik berasaskan kepada keadaan sebenar dan komitmen ke arah pembaikan yang berterusan. Ia juga memerlukan kepimpinan yang kukuh, ketulusan dan akauntabiliti di semua peringkat kerajaan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, usaha-usaha dalam mempelbagaikan ekonomi telah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan. Akan tetapi, ia belum bererti usaha kita telah selesai. *We are not done yet and we need to work together and harder.* Ia akan memerlukan usaha yang lebih keras dan untuk kita lebih kukuh bersatu demi meningkatkan taraf hidup rakyat dan penduduk di negara ini. Dalam hal ini, kaola ingin mengongsiikan bahawa sehingga kini, indikator ekonomi negara telah menunjukkan tanda positif yang

mana pencapaian Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi sektor bukan minyak dan gas telah membuahkan hasil yang positif sejak tahun 2017, yang mana secara purata bagi tempoh 6 tahun kebelakangan iaitu dari 2017 hingga 2023, penubuhan sektor tersebut telah meningkat sebanyak 4.3%. Ini adalah disumbangkan oleh aktiviti hiliran minyak dan gas, perdagangan dan kewangan.

Perkembangan pencapaian ekonomi juga dapat dilihat melalui sumbangan bukan minyak dan gas kepada perdagangan negara. Jika dibandingkan dengan tahun 2017, eksport bukan minyak dan gas, hanya menyumbang sebanyak 3% dan pada tahun 2023, ia telah meningkat kepada 61%. Ini adalah didorong oleh aktiviti eksport hiliran minyak dan gas dan barangan buatan kilang yang mana pada tahun 2021, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** buat pertama kalinya nilai eksport dari sektor bukan minyak dan gas telah melebihi nilai eksport sektor minyak dan gas. Aktiviti ini juga telah menyumbang kepada kepelbagaian pasaran dan peningkatan *export volume* ke negara-negara seperti Amerika Selatan, Eropah dan Australia. Selain daripada itu, eksport pembuatan makanan negara juga telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa seperti Republik Rakyat China, Singapura dan Malaysia.

Dalam tempoh yang sama, hasil daripada inisiatif-inisiatif kerajaan dalam meningkatkan modal insan melalui penyediaan pelajaran sepanjang hayat, meningkatkan kemahiran semula, kadar pengangguran negara juga telah

menunjukkan penurunan daripada kadar 9.0% pada tahun 2017 kepada 5.2% pada tahun 2022. Dalam pada itu juga, sumbangan pekerja di sektor swasta telah menunjukkan peningkatan yang ketara daripada 53% pada tahun 2014 kepada 69% pada tahun 2022.

Oleh yang demikian, dalam mengharungi cabaran-cabaran yang mendatang dan bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035, marilah kita semua di sektor awam dan di sektor swasta bekerjasama secara bersepadu demi meningkatkan produktiviti untuk membangun negara kitani dan membina masa depan yang lebih makmur agar ia dapat dinikmati secara berterusan oleh generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebelum kaola mengakhiri pembentangan ini, marilah kita sama-sama berdoa agar negara kitani akan sentiasa maju, aman dan makmur di bawah kepimpinan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan izin **وَتَعَالَى اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua akan sentiasa menjadi sebuah negara zikir yang penuh keberkatan di bawah perlindungan **وَتَعَالَى اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua.
حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Kaola mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu Undang-Undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan dari

peruntukan Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu sepanjang Tahun Kewangan 2024/2025.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, kita bersyukur dan mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas kenyataan yang begitu panjang lebar dan komprehensif dalam membentangkan Rang Undang-Undang 2024, Akta Perbekelan 2024/2025 serta perancangan-perancangan dan hala tuju peruntukan kewangan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum perkara ini kita bukakan untuk dibincangkan, saya suka untuk meminta salah seorang daripada ahli yang boleh menyokong Rang Undang-Undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ini.

Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Pertahanan II: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong sepenuhnya akan cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan

dan Ekonomi II. Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli yang Berhormat. Rang Undang-Undang yang bergelar Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu yang selesai dibentangkan secara komprehensif oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan juga telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Saya kira, cukuplah dulu kita bersidang pada pagi ini, saya tangguhkan mesyuarat persidangan kita ini dan kita akan bersidang semula seperti biasa pada tengah hari nanti mulai daripada pukul 2:30 petang.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)